



Rujukan : UKM BEN 400-4/1/4

Tarikh : 3 Disember 2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua

Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan// Kolej Kediaman

Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Prof. Ulung/Prof./ Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN PENGHANTARAN DOKUMEN URUSAN BAYARAN KE JABATAN BENDAHARI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada **Pekeliling Bendahari Bil 9/2019 Jadual Penutupan Akaun Universiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Lampiran 1) Urusan Pembayaran** bertarikh 25 November 2019 menyatakan tarikh akhir mengemukakan Akaun Penerimaan Barang (APB) dan Arahan Pembayaran (Daftar Bil) termasuk bagi pembelian Aset dan Inventori bagi tahun 2019 adalah pada **20 Disember 2019**. Selepas pada tarikh ini semua APB dan DB yang berstatus Edit menggunakan peruntukan mengurus dan hasil (sahaja) yang tidak sempat dikemukakan ke Jabatan Bendahari hendaklah dibatalkan sebelum 31 Disember 2019. Selain itu, Pusat Tanggungjawab (PTj) juga diingatkan supaya mematuhi **Prosedur Kerja Umum Jabatan Bendahari UKM-SPKP-PKU05 Pengurusan Bayaran (PTj)** yang menyatakan 90% dokumen bayaran (bekalan/ perkhidmatan) hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bendahari selewat-lewatnya lima (5) hari dari tarikh terima dokumen lengkap.

3. Oleh itu, semua PTj perlu memastikan invoice yang menggunakan peruntukan tahun semasa terutamanya pembelian tanpa Pesanan Rasmi (PR) di buat bayaran pada tahun semasa. Bagi mana-mana tuntutan invoice tahun ini, yang tidak diselesaikan akan mengakibatkan penggunaan peruntukan tahun hadapan. PTj hendaklah menyediakan surat justifikasi bagi setiap pembayaran yang melangkaui tahun itu untuk membolehkan bayaran diproses.

Pihak kami menasihatkan agar semua PTj dapat menguruskan penyediaan dokumen tuntutan bayaran dengan kadar segera dan tidak menyerahkan dokumen di saat akhir ke Jabatan Bendahari bagi mengelakkan pembayaran tidak diproses. Sebarang dokumen yang dikemukakan selepas tarikh



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

BAHAGIAN BAYARAN, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5339 Faks: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

20 Disember 2019 dan dokumen bayaran yang tidak lengkap akan dibatalkan serta dipulangkan semula dan hanya akan diproses mulai Januari 2020.

Segala kerjasama Y. Bhg. Prof. Ulung/Prof./ Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,

MANSOR BIN SHAHID

Pengurus Kewangan Kanan

Bahagian Bayaran

b.p Pengarah Eksekutif Kewangan

s.k. - Pn. Norini Mohamad
Pengarah Eksekutif Kewangan
Jabatan Bendahari

- En. Norazali Bin Harun
Pengurus Kewangan
Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549



BAHAGIAN BAYARAN, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5339 Faks: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my